

Hampir separuh warga Sabah hadapi isu kesihatan mental

DE 31.8.2019 2

Ottoy Peter

KOTA KINABALU: Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan 29.2 peratus daripada penduduk Malaysia menghadapi isu kesihatan mental, dan angkanya lebih tinggi lagi di Sabah iaitu 42.9 peratus, kata Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Frankie Poon Ming Fung.

Beliau berkata, dari segi isu kesihatan mental, kemurungan adalah penyebab utama bebanan penyakit global antara gangguan mental, neurologi dan salah guna dadah.

“Bunuh diri telah menjadi penyebab utama kedua kematian dalam kalangan belia hari ini, mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 2018 dan Balasegaram 2019

“Mujurlah, kebanyakan isu kesihatan mental boleh dicegah,” katanya apabila menyempurnakan penutupan Persidangan Kualiti Hidup Borneo ke-2 yang diadakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, Jumaat.

Persidangan itu menghimpunkan peserta daripada pelbagai bidang akademiki, daripada perkhidmatan kesihatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), bidang dan pihak lain yang berminat dalam menambah baik kualiti hidup di negeri ini.

Antara isu kualiti hidup yang dibincangkan adalah kemiskinan, kekurangan akses kepada penjagaan kesihatan, ketaksamaan pendidikan, pekerjaan, kuasa, pendapatan, pencemaran terhadap pertanian dan perindustrian, infrastruktur dan peminggiran sesetengah kumpulan.



POON (kelima dari kiri) bersama peserta persidangan itu.

Sementara itu, Poon berkata terdapat beberapa faktor yang menentukan kualiti hidup bagi sesebuah populasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada kesihatan, suasana hidup, pendidikan, hak asasi dan keselamatan fizikal.

Beliau berkata, dengan Revolusi Industri 4.0, digitalisasi pelbagai aspek kehidupan telah memperkaya dan menambah baik kesejahteraan keadaan hidup kita.

Bagaimanapun, Poon berkata terdapat satu lagi faktor penting dalam contohnya, kesihatan, yang menentukan kualiti hidup pada peringkat individu dan populasi.

“Kesihatan terdiri daripada kesihatan fizikal dan mental, dan kesihatan tidak mungkin ada tanpa kesihatan mental,” katanya.

Poon menambah bahawa kemiskinan adalah

musuh terbesar bagi kesihatan di negara-negara membangun.

“Dengan membanteras kemiskinan, kesihatan penduduk dapat ditambah baik dan meningkatkan kualiti hidup penduduk.

“Saya berharap semua orang akan mendapat akses mudah kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan percuma, termasuk kesihatan mental di setiap tempat di negeri ini. Marilah kita bekerjasama untuk membawakan kualiti hidup Sabah ke aras lebih tinggi,” katanya.

Hadir sama, Pembantu Menteri Undang-undang dan Hal Ehwal Anak Negeri, Jannis Lasimbang, Pengerusi Penganjur, Profesor Dr Helen Benedict Lasimbang dan Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, Profesor Dr Mohammad Saffree Jeffree.